



UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

SOALAN LAZIM (FAQ) BERKAITAN ARAHAN TERKINI PERGERAKAN PELAJAR KELUAR MASUK PELAJAR SEDIA ADA DALAM KAMPUS UTM JOHOR BAHRU

(BERDASARKAN PEKELILING PELAJAR BIL.5/2021)

1.0 Adakah pelajar yang telah mendapat surat kebenaran untuk pulang ke kampung boleh teruskan hasrat untuk pulang?

Tidak. Semua pelajar tidak dibenarkan keluar / masuk ke kampus UTM Johor Bahru berkuat kuasa 9 Mei 2021 sehingga tarikh yang akan dimaklumkan kecuali kes kecemasan yang dibenarkan.

2.0 Adakah pelajar yang diambil oleh ibu bapa dibenarkan pulang ke kampung?

Dibenarkan sehingga 9 Mei SAHAJA tertakluk kepada tidak terlibat dalam kontak rapat kes indeks kecuali kolej KTHO, KDSE dan KTDI.

3.0 Adakah servis penghantaran makanan dibenarkan masuk dalam tempoh tersebut?

Ya dibenarkan sehingga jam 12.00 malam sepertimana SOP yang dikeluarkan oleh MKN

4.0 Adakah pelajar yang telah membeli tiket penerbangan dan telah menjalani Swab Test dibenarkan untuk pulang?

Ya dibenarkan dengan syarat menjalani swab test (bagi Sabah) dan mendapat kebenaran dari JTNCHEP dan tidak terlibat dalam kontak rapat kes indeks. Pelajar dari kolej KTHO, KDSE dan KTDI yang telah membeli tiket diminta menjadualkan semula tarikh penerbangan sehingga dimaklumkan.

5.0 Adakah pelajar dari luar kampus yang ingin keluar masuk secara harian masih dibenarkan?

Tidak. Semua aktiviti keluar masuk bagi pelajar sedia ada dalam kampus buat masa ini tidak dibenarkan

6.0 Adakah pelajar antarabangsa yang ingin menguruskan Visa dibenarkan masuk?

Ya. Pelajar antarabangsa yang pertama kali masuk ke UTM untuk menguruskan Visa adalah dibenarkan masuk melalui Pintu 3 sahaja dan menghubungi pihak UTM International bagi tujuan mendapatkan perkhidmatan kenderaan untuk ke Pejabat UTM-i.

7.0 Adakah pelajar dari luar yang ingin masuk kampus bagi tujuan ke makmal dibenarkan?

Tidak. Buat masa ini semua urusan pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan makmal dan studio akan dibuka semula pada 17 Mei 2021 tertakluk kepada keputusan Universiti.

8.0 Adakah pelajar dalam kampus dibenarkan keluar dari kampus bagi tujuan pembelian makanan atau keperluan harian?

Tidak sehingga diberitahu. Walaubagaimanapun bagi pelajar berkeluarga, hanya ketua keluarga sahaja yang dibenarkan keluar.

09 Mei 2021

Jabatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)